

21 SEP 1998

Komanwel-Tinju (revisi)

PENINJU MALAYSIA BUKAN LAGI PASUKAN BELASAHAN

Oleh: Azhar Ghazali

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- England, yang menggondol empat emas dan dua gangsa, mungkin memeranjatkan ramai peminat sukan dengan mengambil alih sebagai kuasa tinju daripada Kanada.

Menamatkan kejohanan lapan-hari itu dengan bergaya, pengurus pasukan England Ian Irwin, gembira dan penuh pujian untuk Chris Bessey (71kg), John Pearce (75kg), Courtney Fry (81kg) dan Audley Harrison dalam kategori "super heavyweight" 91kg ke atas.

Bagaimanapun, pada perlawanan tinju Sukan Komanwel ke-16 yang berakhir semalam, yang menjadi bahan perbualan di kalangan para pegawai dari negara-negara peserta adalah kemantapan peninju-peninju Malaysia yang tidak diberikan perhatian sebelum Sukan bermula.

Keadaan yang hampir lengang di Stadium Malawati, Shah Alam pada hari pertama pada 12 Sept, memberikan gambaran kepada peserta-peserta asing tentang mutu sukan tinju di Malaysia. Ternyata bahawa minat terhadap sukan tinju amat berkurangan.

Begitu juga dengan mutu perlawanan pasukan Malaysia, mereka beranggapan pada mulanya.

Tetapi prestasi yang mantap oleh ketujuh-tujuh peninju Malaysia -- Sapok Biki, Adnan Yusoh, Rakib Ahmad, B. Muruguthevan, Benny Thomas Vivian, Samsuddin Maidin dan Andrew Kanis -- telah menarik perhatian mereka.

Bukan sahaja peserta-peserta asing yang dikejutkan, malahan rakyat Malaysia yang menonton aksi peninju-peninju negara juga telah terperanjat dan terus menaruh harapan bahawa Malaysia boleh memberikan kejutan dan mencapai emas.

Seperti yang diharapkan, Sapok, yang sentiasa membawa potret Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pembawa tuah dan sumber inspirasi, mencatat sejarah apabila menjadi peninju Malaysia yang pertama melayakkan diri ke pusingan akhir, dan seterusnya memenangi pingat emas bagi kategori 48kg.

Seperti juga jurulatih Abdullah Siok, ramai beranggapan bahawa rakan sepasukan Adnan juga sepatutnya menyertai Sapok. "Saya sangkakan peninju Malaysia itu sepatutnya menang," kata pengurus pasukan Kanada Taylor Gordon ketika mengulas perlawanan Adnan menentang Richard Sunee dari Mauritius dalam pusingan separuh akhir bagi kategori 48kg.

Previsi yang menggalakkan terhadap Malaysia juga telah diberikan oleh pengurus pasukan England Ian Irwin, yang menganggap bahawa peninju-peninju Malaysia telah menunjukkan prestasi agak cemerlang memandangkan ranking antarabangsa mereka. Pendapat yang serupa juga dinyatakan oleh beberapa pihak yang menyaksikan peninju-peninju Malaysia bertarung.

Berasaskan sokongan padu yang diberikan kepada Sapok pada perlawanan akhir, presiden Persekutuan Tinju Amatur Malaysia (MABF) Tan Sri Isa Abdul Samad berpendapat sukan tinju di Malaysia akan membuka lembaran baru.

"Kami memahami mengapa sukan itu tidak populer sejak begitu lama. Ia adalah kerana kita tidak menghasilkan keputusan yang baik. Kini, kita telah menghasilkannya dan saya harap masanya sudah tiba untuk perubahan," kata Menteri Besar Negeri Sembilan itu.

Jurulatih Adun Pasu Mokhtar dengan cepat mengatakan bahawa pasukan Malaysia bukan lagi "budak belasan" bagi kategori yang lebih ringan. "Kita telah membuktikan bahawa kita mempunyai kemampuan dan kita mempunyai rancangan untuk memperbaiki mutu peninju," kata Adun, yang berharap akan membawa peninju-peninjunya ke Thailand untuk memantapkan pasukan Malaysia.

Sementara Malaysia berusaha untuk merancang masa depan yang lebih baik bagi sukan tinju, Kanada pula perlu bertindak segera untuk merampas kembali kedudukannya sebagai jaguh.

-- BERNAMA

AZG AO